

KAJIAN PEMACUAN TRANSFORMASI SISTEM PERUNDANGAN ISLAM DI MALAYSIA

(2010 - 2012)



Kandungan	Muka surat
Pasukan Kajian	iii
Penghargaan	v
Ringkasan Eksekutif	vi
Muqaddimah	1
Bab 1 Undang-undang dan Agensi-agensi Islam di Malaysia: Sejarah, Perjalanan dan Titik Permulaan Transformasi	13
Bab 2 Sejarah dah Falsafah Perundangan Islam di Malaysia	29
Bab 3 Persepsi Masyarakat Tentang Perundangan Islam di Malaysia	37
Bab 4 Pelan Tindakan Transformasi Penyelarasan Perundangan Islam di Malaysia: Peranan dan Cabaran JAKIM	75
Bab 5 Pelan Tindakan Transformasi Mahkamah Syariah: Peranan dan Cabaran Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	97
Bab 6 Pelan Tindakan Transformasi Bantuan Guaman: Peranan dan Cabaran Jabatan Bantuan Guaman	109
Bab 7 Pelan Tindakan Transformasi Perkhidmatan Guaman Syarie: Peranan dan Cabaran Persatuan Peguam Syarie Malaysia	123
Bab 8 Pelan Tindakan Transformasi Persediaan Modal Insan Untuk Sistem Perundangan Islam di Malaysia: Peranan dan Cabaran IPTA	139
Bab 9 Pelan Tindakan Transformasi Pengukuhan Kedudukan Islam di Malaysia: Peranan dan Cabaran Seksyen Syariah, Jabatan Peguam Negara	159

Bab 10 185

Pelan Tindakan Transformasi Pentadbiran Perundangan Islam di
Peringkat Negeri: Peranan dan Cabaran Majlis Agama Islam Negeri

Kesimpulan 225

Lampiran

- Borang Soal-selidik
- Minit-minit Mesyuarat
- Gambar

BAB KETIGA

PERSEPSI MASYARAKAT TENTANG PERUNDANGAN ISLAM DI MALAYSIA^{*}

Pengenalan

Perundangan Islam di Malaysia ketika ini sedang dan terus mengalami perubahan dan pembaharuan dari masa ke semasa. Ianya bertujuan memastikan mekanisma perundangan Islam mampu menguruskan permasalahan umat Islam di samping menjaga kemaslahatan dan kebajikan mereka. Yang paling utama, pastinya kedaulatan agama Islam akan terus terpelihara di Malaysia.

Walaupun proses Islamisasi dan harmonisasi pernah dilaksanakan bagi mencapai matlamat di atas namun ia tidak memadai. Ini adalah kerana masalah-masalah baharu terus mendatang ke dunia perundangan Islam yang sudah pastinya memerlukan satu mekanisma yang lebih mantap bagi tujuan tersebut. Tambahan pula, persepsi masyarakat baik dari kalangan orang Islam dan bukan Islam terhadap agama Islam dan institusi-institusi Islam yang menterjemahkan Islam serta fungsi-fungsinya, merupakan cabaran besar bagi membuktikan bahawa Islamlah sebagai rujukan agung bukan sahaja dalam aspek kehidupan harian bahkan dalam hidup bernegara. Malahan, ia menjadi cabaran yang besar bagi membuktikan bahawa kedaulatan negara Malaysia sebenarnya bergantung pada sejauhmana Malaysia mengamalkan Islam secara syumul.

Berdasarkan senario yang dihadapi ini, adalah menjadi satu kemestian untuk melaksanakan satu kajian untuk mendapat pendapat masyarakat secara umum mengenai perundangan Islam dan institusi-institusi yang melaksankannya bagi mendaulatkan Islam dan meletakkannya sebagai agama Persekutuan dalam Perlembagaan Malaysia

^{*} Bab ini ditulis oleh Prof. Dr Nuraihan Mat Daud, Prof. Madya Dr Saodah Wok dan Dr Noraini Hashim dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.